



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN KLINIK KESIHATAN PADANG BESAR, PERLIS

PADANG BESAR, PERLIS – Penyerahan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters (2F/2G) Padang Besar, Perlis yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Kerja Raya bersama YBrs. Encik Zairi bin Mat Ali, Setiusaha Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia ini merupakan projek yang diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi memenuhi keperluan kesihatan penduduk serta menampung populasi yang semakin meningkat sejajar dengan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan sekitar.

Projek yang dilaksanakan secara konvensional dalaman ini melibatkan kos kontrak semasa sebanyak RM24,293,966.11 dengan tempoh pelaksanaan asal selama 130 minggu. Antara skop kerja yang terlibat ialah skop kerja bangunan, kerja tanah/cerun dan kerja luar. Ia meliputi komponen-komponen seperti berikut :

- 1 Unit Klinik Kesihatan Jenis 3 (2 tingkat);
- 1 Unit Kuarters 2F/2G (2 tingkat);
- Blok Sokongan, Garaj Ambulans (5 Bays), Blok Pencawang TNB, Pondok Pengawal, Rumah Pam, Bangunan MSB dan Rumah Sampah;
- Jalan masuk utama; dan
- Tempat letak kereta dan motosikal.

Kerja pembinaan telah bermula pada 31 Julai 2019 (tarikh milik tapak) dan siap sepenuhnya pada 1 Ogos 2023, lebih awal dari tarikh penyiapan asal mengikut kontrak iaitu 10 Ogos 2023. Terdapat beberapa cabaran yang telah dihadapi sepanjang tempoh pembinaan projek ini antaranya kekangan untuk mendapatkan bahan *blasting* bagi tujuan penyediaan formasi

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur

